

29 Jun, 1981

“Datuk Hussein adalah negarawan tegas, jujur dan berdisiplin,” kata Dr M.

PRESIDEN UMNO yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir, merakamkan penghargaannya atas sifat demokratik Datuk Hussein Onn yang mengundur diri dengan rela hati dan memberikan hak kepada ahli-ahli memilih pemimpin pengganti yang mereka sendiri kehendaki.

Dalam ucapan sulungnya sebagai Presiden, beliau berkata: “Sejarah akan mencatatkan peristiwa ini sebagai satu peristiwa yang dimulakan dan dihormati.”

Berucap dalam suasana perhimpunan yang mengharukan setelah berlaku peralihan pucuk pemimpin, Dr Mahathir mensifatkan Datuk Hussein sebagai seorang negarawan yang tegas, jujur dan berdisiplin dengan imejnya yang tersendiri di dalam UMNO.

“Kita di dalam UMNO bahkan negara berbangga dengan sikap negarawan Datuk Hussein. Di dalam dunia yang mana pemimpin sukar mengundur diri tanpa paksaan, sikap Datuk Hussein tentulah disanjung tinggi,” tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, biasanya tidak mudah bagi seseorang itu untuk melepaskan tempat yang sebegitu penting.

“Biasanya pemegang jawatan itu akan cuba mengekalkan jawatan ataupun sekurang-kurangnya mengekalkan pengaruhnya ke atas jawatan tersebut.

“Biasanya juga percubaan dibuat untuk mewujudkan satu dinasti,” tegas beliau. (Di petik dari Utusan Melayu Jun 29, 1981 di bawah kepala “Penghargaan tinggi Mahathir kepada Hussein Onn ‘satu peristiwa yang dimulakan’”)

Komen Penulis:

Penulis percaya kesemua rakyat dari setiap lapisan masyarakat adalah menyertai Datuk Seri Dr Mahathir untuk melafatkan penghargaan yang tinggi kepada Datuk Hussein Onn, bukan sahaja kerana sifat demokratik Datuk Hussein, tapi jua kerana “style” kepimpinannya yang berdasarkan kepada kejujuran, disiplin dan ketegasan.

Semangat kesukanan di pihak Datuk Hussein Onn, dalam konteks kesediaan beliau melétek jawatan yang sebegitu tinggi secara sukarela — selaku Presiden Parti yang mendukung Kerajaan merangkap Perdana Menteri — adalah menunjukkan bahawa Datuk Hussein Onn bukanlah termasuk kepada golongan manusia yang gila kuasa. Kerana pemimpin-pemimpin yang gila kuasa akan berpaut teguh kepada kerusi, meskipun setelah menyedari bahawa mereka “have outlived their usefulness” kepada parti, rakyat dan negara.

Dalam bahasa lain, pemimpin dari kategori ini, yakni, yang mahu menduduki kerusi dan berkuasa sampai mati, amatlah mengutamakan kepentingan diri tanpa sama sekali menghiraukan “peluang” orang lain ataupun imej parti dan kepentingan rakyat dan negara. Oleh itu, mereka membutakan mata dan memekakkan telinga kepada apa jua “hint” (isyarat secara tidak langsung) sama ada dari orang ramal ataupun Parti — isyarat yang dari kacamata orang rasional bererti bahawa masanya telah tiba bagi pemimpin-pemimpin yang dimaksudkan itu supaya berundur secara sukarela kerana mereka udah mula menjadi beban atau “liability” kepada Parti....